

# Anwar kena tunggu 6 bulan

BH - 23/6/2020 m/s: 15

**AMANAHA, DAP  
beri laluan  
kepada Tun M  
dahulu jadi PM**

Oleh Rohaniza Idris  
roha@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Parti Amanah Negara (AMANAHA) dan DAP menyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri tetapi mahu Presiden PKR itu menunggu sehingga enam bulan bagi memberi laluan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dalam kenyataan bersama dikeluarkan Presiden AMANAHA, Mohamad Sabu dan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng semalam, kedua-dua parti itu konsisten menyokong Anwar sebagai calon Perdana Menteri sejak 1998 dan akan terus berbuat demikian.

Mereka berpendirian, perjalanan politik sudah

mengambil masa 22 tahun, justeru mereka mampu menunggu enam bulan lagi untuk melihat Anwar diangkat sebagai Perdana Menteri ke-10.

“Perjanjian enam bulan ini akan didokumenkan secara bertulis, ditandatangani semua pemimpin parti dan diumumkan secara terbuka,” menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu sebagai reaksi kepada keputusan PKR yang menolak cadangan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri bagi mewakili kerajaan Pakatan Harapan (PH) jika pakatan itu berkuasa semula.

Perkara itu diputuskan dalam mesyuarat khas Majlis Pimpinan Pusat (MPP) PKR bersama Ahli Parlimen PKR, yang berlangsung Jumaat lalu.

Pada 30 Mei lalu, Mesyuarat Majlis Presiden PH mengemukakan dua pilihan calon Perdana Menteri jika mereka berkuasa semula iaitu Anwar dicalonkan sebagai Perdana Menteri dan Datuk Seri

Mukhriz Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri yang mana ia tidak dipersetujui Dr Mahathir dan Parti Warisan Sabah (WARISAN).

Pilihan kedua, Dr Mahathir dicalonkan sebagai Perdana Menteri dan Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri, dengan peralihan kuasa kepada Anwar selepas tempoh enam bulan.

Sementara itu, Ketua Pemuda UMNO Bahagian Titiwangsa, Datuk Nazir Hussin Akhtar Hussin meminta PH menyelesaikan isu kepemimpinan sebelum berbicara mengenai pengambilalihan semula pentadbiran negara.

Katanya, rakyat dan negara, tidak sewajarnya terus diheret dalam sengketa politik Dr Mahathir dan Anwar.

Beliau dalam satu kenyataan media berkata, pembangkang perlu memberi peluang untuk negara ini ‘bernafas semula’ selepas tidak bermaya selama 22 bulan.